

**PEJABAT BENDAHARI  
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

---

UTHM/PB/100-6/4/1 Jld 3 (17)

12 September 2021

**SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL. 2/2021**

**Semua Pengurus Bahagian**  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

YBhg. Datuk/Prof./Tuan/Puan,

**TATACARA PEROLEHAN BAGI DANA YANG DITERIMA DARI INSTITUSI ASING  
(SYARIKAT SWASTA – TEMPATAN DAN ANTARABANGSA) DI UNIVERSITI TUN  
HUSSEIN ONN MALAYSIA**

**1.0 TUJUAN**

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk menerangkan kepada semua Pengurus Bahagian mengenai tatacara perolehan bagi dana yang diterima dari institusi asing (Syarikat Swasta – Tempatan dan Antarabangsa) di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

**2.0 LATAR BELAKANG**

- 2.1 Pelaksanaan perolehan di UTHM adalah termasuk perolehan daripada aktiviti perundingan dan penyelidikan yang dilaksanakan dengan menggunakan syarat-syarat dan peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling Bendahari Bil. 1/2020 dan juga Pekeliling Perbendaharaan yang sedang berkuatkuasa.
- 2.2 Namun demikian, pada masa kini, masih belum terdapat sebarang tatacara perolehan yang khusus untuk dana-dana yang diterima dari syarikat swasta sama ada tempatan atau syarikat antarabangsa dan ia melibatkan penerimaan dana bagi projek penyelidikan, perundingan, wakaf, endowmen atau terimaan lain dalam pelbagai bentuk dan tujuan.
- 2.3 Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 3/2021 yang bersidang pada 25 Julai 2021 telah meluluskan tatacara perolehan bagi dana yang diterima dari institusi asing (Syarikat Swasta – Tempatan dan Antarabangsa) di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

### 3.0 TATACARA PEROLEHAN BAGI DANA YANG DITERIMA DARI INSTITUSI ASING (SYARIKAT SWASTA – TEMPATAN DAN ANTARABANGSA)

3.1 Syarat pelaksanaan bagi semua perolehan menggunakan dana yang diterima dari institusi asing (syarikat luar/swasta – tempatan dan antarabangsa) adalah seperti berikut:-

3.1.1 Dana yang diterima dari institusi asing (syarikat luar/swasta – tempatan dan antarabangsa) adalah bermaksud dana yang diterima daripada mana-mana pembiaya atau pihak seperti kerajaan antarabangsa, institusi antarabangsa, institusi kewangan antarabangsa atau syarikat swasta, dengan mempunyai terma dan syarat yang ditetapkan didalam geran/perjanjian yang ditandatangani diantara Universiti dengan pihak pembiaya.

3.1.2 Peraturan perolehan mesti dinyatakan didalam perjanjian (MOA) atau surat setuju terima atau apa-apa dokumen perjanjian yang mengikat pihak-pihak yang bekerjasama dalam aktiviti penyelidikan, perundingan, wakaf dan endowmen dengan penerimaan dana dari Institusi Asing (syarikat luar/swasta – tempatan dan luar negara). Sekiranya tidak dinyatakan, tatacara perolehan yang sedang berkuatkuasa perlu digunakan.

3.2 Proses kerja perolehan menggunakan dana yang diterima dari institusi asing (syarikat luar/swasta – tempatan dan antarabangsa) adalah seperti berikut:

3.2.1 Borang *Requisition Order* (RO) perlu dikemukakan oleh pemohon bersama dokumen sokongan semasa permohonan perolehan seperti salinan perjanjian atau Surat Setuju Terima daripada pihak pembiaya, maklumat atau senarai sebut harga barangan atau peralatan yang hendak dibeli dan maklumat berkaitan dengan dana yang telah diterima.

3.2.2 Kajian pasaran adalah digalakkan bagi mendapatkan nilai yang terbaik di dalam perolehan. Kajian melalui laman sesawang e-dagang seperti *Lazada*, *Shopee*, *Amazon* dan lain-lain adalah dibenarkan.

3.2.3 Kelulusan Jawatankuasa Teknikal dan proses pelawaan sebut harga dan tender adalah **dikecualikan**.

3.2.4 Semua perolehan mesti diluluskan melalui Pihak Berkuasa Melulus (PBM) mengikut nilai perolehan seperti berikut :

Nilai (RM)	Pihak Berkuasa Melulus
Sehingga 20,000	Pengurus Bahagian
Melebihi 20,000 – 50,000	Jawatankuasa Sebut Harga PTJ
Melebihi 50,000 – 500,000	Jawatankuasa Sebut Harga Universiti
Melebihi 500,000 – 100 juta	Lembaga Perolehan UTHM
Melebihi 100 juta	Lembaga Pengarah UTHM

3.2.5 Pesanan Tempatan (LO) perlu dikeluarkan bagi setiap perolehan yang melebihi RM500.00.

3.2.6 Ringkasan Carta Alir Proses ini adalah seperti di **Lampiran 1**.

#### 4.0 PENGECUALIAN CUKAI

Pengecualian cukai bagi semua penerimaan dana dari institusi asing (syarikat luar/swasta – tempatan dan luar negara) adalah tertakluk kepada peraturan semasa yang sedang berkuatkuasa dari agensi yang berkaitan.

#### 5.0 KUATKUASA SURAT PEKELILING


Surat Pekeliling ini berkuatkuasa pada tarikh ianya dikeluarkan. Sekiranya terdapat perbezaan peraturan dan tatacara perolehan dalam pekeliling khusus ini, maka peraturan yang digariskan melalui Pekeliling Bendahari Bil. 1/2020 yang sedang berkuat kuasa adalah terpakai.

Kerjasama dan perhatian YBhg. Prof. Datuk/Prof./Tuan/Puan adalah diharapkan agar dapat memajukan perkara ini kepada staf di bahagian masing-masing.

Sekian, terima kasih.

**"DENGAN HIKMAH KITA MENEROKA"**  
**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"**

Yang benar,

  
**NORZAIMI BIN HAMISAN**  
Bendahari  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia  
7050

- s.k. - YBhg. Datuk Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
  - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
  - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
  - Provost UTHM Kampus Cawangan Pagoh
  - Ketua Unit Audit Dalam

LAMPIRAN 1

**Carta Alir Proses Perolehan bagi Dana Yang Diterima Dari Institusi Asing  
(Syarikat Swasta – Tempatan Dan Antarabangsa).**

